



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN**

UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

NAMA: SHAHRIL BIN SAIFUL BAHRI

NO. MATRIK: A20EC0144

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
TOTAL	/30

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI


Di dalam penulisan ini, pelajar haruslah mempamerkan keaslian penulisan dengan menghuraikan refleksi mereka hasil daripada pembelajaran bagi subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’.

Pelajar perlu menjelaskan serta membincangkan refleksi mereka daripada aspek berikut:

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)
- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**
- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama**?
- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**
- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**
- vi. Apakah **perasaan anda** setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (**Sebagai kesimpulan diakhir refleksi**)

REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Kita dapat mengetahui nilai-nilai dan etika yang digunakan untuk menentukan tingkah laku seseorang manusia. Apabila kita dapat mengenali etika kita dapat menjadi manusia yang lebih baik. Kita dapat mengetahui asal usul etika daripada peradaban Barat, India, Arab, dan China dan interpretasi mereka tentang etika mereka. Tingkah laku yang baik juga adalah salah satu etika yang penting. Ini kerana apabila kita dapat menjaga tingkah laku kita, kita dapat mengharmonikan nama negara kita sebagai negara rakyatnya sangat baik. Ia dapat menambah pengetahuan saya tentang prinsip asas etika yang mestilah ada pada setiap manusia. Ini kerana apabila manusia mempunyai etika yang tinggi kita juga melakukan kebaikan kepada orang lain. Contohnya, keadilan dan kesaksamaan. Apabila kita adil maka ia menjadikan proses hidup kita dan orang lain juga mudah.

REFLEKSI BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)




Apa yang saya belajar daripada bab ini adalah tentang teori etika yang wujud pada zaman dahulu dan zaman kini. Selain itu, kegunaan etori etika dalam kehidupan. Kita dapat mengenali kebaikan dan kesan kesan setiap etika yang dinyatakan di Bab 2. Dari segi agama tiada tetapi dari segi budaya kita boleh lihat tokoh tokoh falsafah memberikan konsep konsep etika yang menyatakan kesan baik iaitu bermoral dan kesan buruk iaitu tidak bermoral. Apakah maksudnya adalah manusia akan memandang tinggi kepada seseorang yang baik manakala yang sebaliknya iaitu seseorang yang jahat akan dipandang rendah. Kita ambil contoh teori etika moden iaitu teori keadilan iaitu sistem keadilan sosial sebagai kesaksamaan. Contohnya kita jangan menghukum seseorang secara melulu tetapi kita menghukum dengan cara adil dan saksama seperti orang lain. Pada akhir bab, kegunaan Etori Etika dalam kehidupan memberikan kita cara untuk membantu proses membuat sesuatu keputusan. Ini adalah penting kerana sebelum kita melakukan langkah yang seterusnya kita perlulah memikirkan kesan sebelum membuat keputusan yang terakhir.

REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN

TAMADUN: ISLAM DAN MELAYU

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)




Dalam bab ini kita belajar tentang dua tamadun iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Melayu. Kedua-dua tamadun ini mempunyai etika mereka sendiri. Tetapi nilai-nilai etika mereka adalah sama. Dari segi agama di Tamadun Melayu kita lihat kepercayaan mereka berubah-berubah sehingga mencapai agama Islam. Dari segi etika kita lihat Tamadun Melayu adalah budaya yang sopan santun. Apabila kita mengenali etika dan adat resam lama kita, kita dapat mengelakkan masalah adat pada masa depan dan ini adalah untuk mengelakkan konflik yang boleh berlaku dalam negara kita. Kita boleh lihat di dalam Tamadun Islam, kita mempunyai fitrah kita iaitu suka akan kebaikan dan bencikan keburukan. Apabila kita terdedah kepada keburukan kita mungkin akan berubah fitrah kita sehingga boleh menyebabkan kita melakukan kejahatan.

REFLEKSI BAB 4: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN

TAMADUN: CHINA, INDIA DAN BARAT


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Bab ini memberi pengetahuan tentang Tamadun China, India, dan Barat. Setiap satu bab ini mempunyai nilai etika mereka tersendiri. Dari segi budaya kita dapat lihat citra semesta masyarakat China, citra masyarakat India dan zaman greek klasikal dan zaman helenistik Barat. Apabila kita faham dan menghayati nilai etika pelbagai tamadun, ini membolehkan masyarakat menghormati dan menanam sikap bertoleransi terhadap masyarakat lain. Kita boleh mengambil contoh daripada tamadun-tamadun ini dari segi nilai etika mereka dan cara konsep mereka berfikir dan mengaplikasi di dalam hidup kita contohnya konsep virtue iaitu sifat budiman seseorang insan.

REFLEKSI BAB 5: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MENERUSI ETIKA DAN PERADABAN


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Bab ini mengajar tentang pemantapan kesepaduan nasional iaitu kesepaduan sosial dan nasional. Ini penting untuk mewujudkan kesepaduan sosial antara kaum di Malaysia. Kita dapat mengenali konflik dan punca berlakunya ketegangan kesepaduan sosial di negara Malaysia. Apabila kita dapat memahami kedua perkara ini maka kita dapat menghormati budaya dan agama yang terdapat di Malaysia. Untuk menjadi manusia yang ingin memajukan negara Malaysia kita hendaklah mengelak daripada memulakan perkara yang sensitif yang boleh menyebabkan pergaduhan yang besar di Malaysia. Contohnya seperti tragedi 13 May 1969. Perpaduan kaum dan integrasi nasional merupakan tunjang kestabilan sosio politik di negara untuk menjamin kemajuan dan keutuhan bangsa.

REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Berdasarkan bab 6 ini, kita belajar tentang Perlembagaan Malaysia, di mana bermulanya dan proses mendapatkan perlembagaan yang kita tahu dan kita cintai. Kita telah melalui fasa yang panjang untuk mendapatkan perlembagaan ini daripada kita dijajah oleh British hingga mempunyai status negara Malaysia ini dengan sendiri. Malahan kita dapat mengetahui usaha orang-orang dahulu contohnya seperti Tunku Abdul Rahman dan para pengikutnya untuk membebaskan kita daripada cengkaman orang British daripada terus menjajah kita. Jika kita biarkan diri kita dijajah, mungkin agama dan budaya kita sudah lama dicemari dengan budaya dan agama mereka. Jadi kita perlu bersyukur dengan menyayangi negara kita dan menghormati perlembagaan negara Malaysia.

REFLEKSI BAB 7: PENERAPAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPURARI


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Pada bab ini, kita belajar tentang budaya dan komunikasi kontemporari. Ia menceritakan tentang kebebasan bersuara, hendonistik, dan media massa. Setiap satu ini mempunyai etika mereka tersendiri. Kebebasan bersuara adalah satu kemestian untuk kita menyuarakan pendapat asalkan kita tak menyentuh isu sensitif. Hendonistik pula adalah budaya yang berbahaya kerana ia mementingkan keseronokan sehingga mengabaikan keburukannya. Dan adab di media sosial hendaklah dijaga supaya kita tidak menyinggung perasaan orang lain. Kesemua ini mempunyai kebaikan dan juga keburukannya, jadi ia bergantung kepada seseorang individu itu untuk menggunakan cara yang baik atau buruk.

REFLEKSI BAB 8: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL


- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Dalam bab ini menceritakan tentang peranan etika dan peradaban dalam mendokong tanggungjawab sosial iaitu sejarahnya, tanggungjawab sosial dan pembahagian tanggungjawab sosial. Tanggungjawab adalah nilai yang penting bagi seseorang kerana ia mengakui bahawa keputusan dan pilihan adalah atas dirinya dan. Pembahagian tanggungjawab terdapat 4 iaitu pekerja, masyarakat, perniagaan dan alam sekitar. Setiap satu pembahagian mempunyai tanggungjawab mereka masing-masing dan ia harus dituruti kerana ia dapat menyeimbangkan keadaan di negara kita. Jadi, tanggungjawab adalah suatu perkara penting untuk diamalkan setiap manusia kerana ia akan membawa sifat etika yang tinggi contohnya agen moral, manusia yang amanah dan mempunyai prinsip kebaikan.

REFLEKSI BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



Di dalam bab ini menceritan cabaran keterlestarian etika dan peradaban yang dihadapi di pada masa kini. Keterlestarian adalah keupayaan mengekalkan sesuatu contohnya usaha etika, adab dan nilai-nilai baik. Tajuk ini menyampaikan kesusahan untuk mengekalkan sesuatu dengan konsisten dari segi politik, ekonomi, sosial, psikologi & pembinaan karakter, globalisasi, alam sekitar dan sains dan teknologi. Cabaran ini menyebabkan keterlestarian susah dicapai pada masa kini. Namun kita mempunyai langkah-langkah untuk mengatasi masalah cabaran ini iaitu hendaklah kita mengamalkan Rukun Negara dan agama & sistem kepercayaan. Apabila kita mempunyai pegangan teguh kepada dua ini maka, keterlestarian akan dapat dicapai secara sedar dan konsisten. Disebabkan itu kita mempunyai tujuh belas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk menolong kita mencapai keterlestarian di negara kita. Jadi apabila semua ini dapat dicapai maka pemikiran dan sikap yang betul terhadap keterlestarian dapat dibina dalam kalangan masyarakat.

REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi) (*Sekurang-kurangnya 1 perenggan dan tidak melebihi 1 muka surat*)

Pada pendapat saya, Penghayatan Etika dan Peradaban dapat membuka mata saya tentang isu-isu yang kadang kala muncul di Malaysia dan kita sebagai rakyat Malaysia tidak boleh menapis perkara ini selamanya kerana ia boleh menyebabkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Daripada bab 1 sehingga bab 9 nota yang telah diberikan oleh Dr. Ana Haziqah menolong saya untuk memahami lebih banyak tentang etika dan peradaban, bukan sahaja di Malaysia malahan luar negara termasuk daripada zaman dahulu dan sekarang. Kita boleh lihat pemimpin dulu adalah orang yang mempunyai etika yang tinggi dan disebabkan itu mereka adalah contoh manusia yang sebaiknya kerana kebaikkan hendaklah dilihat daripada segi etika mereka. Bukan itu sahaja, sebagai individu, masyarakat, rakyat yang bertanggungjawab kita mestilah mempunyai etika dan peradaban supaya kita dapat menunjukkan contoh yang baik kepada manusia yang lain. Jadi pada pengakhiran saya, saya dapat menambah ilmu saya tentang etika dan peradaban. Terima kasih kepada Dr. Ana Haziqah kerana memberi peluang kepada saya untuk saya belajar tentang ilmu etika dan peradaban.